

# Kastam batal lesen 898 ejen

Syarikat  
didapati gagal  
patuhi syarat  
operasi

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 898 syarikat ejen kastam dibatalkan atau digantung kelulusan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sejak 2023 hingga Mei tahun ini, susulan ketidakpatuhan terhadap syarat perundangan dan operasi yang ditetapkan.

Daripada jumlah itu, 758 tindakan direkodkan dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini, manakala 106 tindakan diambil sepanjang 2023 dan 34 pada tahun lalu.

Pemangku Ketua Pengarah Kastam, Norlela Ismail, berkata tindakan itu diambil terhadap ejen yang gagal mematuhi syarat

serta melanggar Kod Etika Ejen Kastam.

“Antara tindakan yang dikenakan termasuk pembatalan kelulusan, pendakwaan di bawah undang-undang berkaitan dan penyenaraian hitam daripada urusan dengan JKDM dalam tempoh tertentu.

“JKDM kekal komited memelihara integriti dan tadbir urus ejen kastam serta pengimport menerusi pemantauan berterusan dan tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang tidak patuh,” katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, tindakan penguatkuasaan itu dilakukan hasil semakan maklumat menggunakan Sistem Maklumat Kastam (SMK) dan portal Sistem Transaksi Standard (STS) oleh Unit Kawalan Ejen Kastam dan Pengimport

**Tak kemas kini maklumat**

“Antara kesalahan yang dikenakan termasuk kegagalan mengemas kini butiran ejen berdaftar, tidak membuat urus niaga

semasa permohonan dan tidak menghadiri sesi temu bual bersama Kastam.

“Tindakan penguatkuasaan dilaksanakan secara teliti dan berlandaskan peruntukan undang-undang serta prinsip keadilan bagi memastikan hak pemegang lesen yang sah tidak terjejas,” katanya.

Dalam pada itu, katanya sebanyak 21 lesen import bagi rokok, tembakau dan minuman keras turut dibatalkan atau digantung dalam tempoh sama, membabitkan tiga tindakan pada 2023, sembilan pada tahun lalu dan sembilan lagi setakat Mei

tahun ini.

Katanya, tindakan itu dikenakan berikutan atas sebab ketidakpatuhan terhadap syarat yang ditetapkan dalam perundangan kastam.

“JKDM menyambut baik saraan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) berkaitan keperluan penambahbaikan kawalan dalaman dan proses pemantauan.

“Jabatan ini akan terus memperkukuh kerjasama dengan agensi kerajaan lain serta memastikan sistem penyampaian dan integriti penguatkuasaan berada pada tahap tertinggi,” katanya.

JKDM kekal komited memelihara integriti dan tadbir urus ejen kastam serta pengimport menerusi pemantauan berterusan dan tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang tidak patuh

